

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1979

Tuan,

PEMINDAHAN GAJI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM TUKAR LANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN IJAZAH AM YANG DIMAKSUDKAN DALAM SURAT-SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 23 TAHUN 1977 DAN BIL. 19 TAHUN 1978.

Saya adalah diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 1978](#) bertarikh 28hb November, 1978 yang telah memberi penjelasan mengenai cara-cara penyelerasan gaji bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam tukar lantikan ke Skim Perkhidmatan Ijazah. Cara-cara penyelerasan gaji adalah seperti di dalam [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling itu. Mengikut kes-kes dalam contoh-contoh di perenggan 1 dan 3 dalam [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan itu, ada dinyatakan bahawa tarikh kenaikan gaji selepas tarikh pegawai-pegawai berkenaan berpindah ke matagaji yang lebih tinggi atas tanggagaji A22 itu ialah mengikut tarikh kenaikan gaji dalam tanggagaji B11, B9 atau B8, mengikut mana yang berkenaan, seperti yang diperuntukkan diperenggan 4(a) dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977](#).

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa oleh kerana pegawai-pegawai yang terlibat dalam contoh-contoh di perenggan 1 dan 3 yang berkenaan menerima matagaji baru dalam tanggagaji A22 yang lebih daripada matagaji yang diterimanya dalam tanggagaji B 11, B9 atau B8 , maka tarikh kenaikan gajinya selepas berpindah ke tanggagaji A22 itu hendaklah jatuh pada hari ulangtahun mereka bertukar ke Skim Perkhidmatan Ijazah Am jika tarikh itu jatuh pada satu haribulan. Sekiranya hari ulangtahun itu jatuh pada lain-lain tarikh, maka tarikh kenaikan gajinya yang baru ialah pada satu haribulan bulan yang berikutnya, iaitu mengikut peruntukan dalam perenggan 4(b) dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977](#) itu. Oleh yang demikian adalah diputuskan bahawa [Lampiran "A"](#) kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 1978](#) itu hendaklah dibatalkan dan digantikan dengan [Lampiran "A"](#) yang baru sepertimana [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling ini.

3. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah mengambil ingatan terhadap ["Lampiran "A"](#) baru dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini supaya pelaksanaan perbekalan-perbekalan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 1978](#) dapat dijalankan dengan sempurna.

Saya yang menurut perintah,

SHAMSUDDIN BIN DAHLAN,  
*Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ,  
Malaysia*

31hb Januari, 1979

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Jalan Young,  
Kuala Lumpur

CONTOH-CONTOH PEMINDAHAN GAJI MENGIKUT PEKELILING  
PERKHIDMATAN BIL.2 TAHUN 1977 DAN SETERUSNYA MENGIKUT  
SURAT PEKELILING INI

1. Pegawai "A" ialah seorang Penolong Penguasa Kastam yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 1-4-70, oleh itu beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am A22 pada 1. 1. 1976.

| <u>Tarikh</u> | <u>Suffian</u> | <u>Harun</u> | <u>Baru(B11)</u> | <u>Catitan</u>  |
|---------------|----------------|--------------|------------------|---|
| 1-4-70        | 400.00         | 440.00       |                  |   |
| 1-4-71        | 425.00         | 480.00       |                  |   |
| 1-4-72        | 450.00         | 520.00       |                  |   |
| 1-4-73        | 480.00         | 560.00       |                  |   |
| 1-4-74        | 520.00         | 600.00       |                  |   |
| 1-4-75        | 560.00         | 640.00       |                  |   |
| 1-1-76        | 560.00         | 680.00       | 805.00           | Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun. |
| 1-4-76        |                |              | 845.00           | Kenaikan Gaji.  |
| 1-4-77        |                |              | 885.00           | Kenaikan gaji.  |
| 1-4-78        |                |              | 925.00           | Kenaikan gaji.  |

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am A22:

| <u>Tarikh</u> | <u>B11</u> | <u>A22</u>               | <u>Catitan</u>  |
|---------------|------------|--------------------------|---|
| 1-7-76        | 805.00     | 865.00                   | Pemindahan ke matagaji yang berdekatan yang lebih tinggi atas tanggagaji A22. |
| *1-7-77       |            | 985.00                   | *Kenaikan gaji pada hari ulangtahun pertukaran ke tanggagaji A22.             |
| *1-1-78       |            | 1,045.00                 | Kenaikan Gaji.  |
| *1-7-79       |            | 1,105.00 dan seterusnya. |   |

2. Pegawai "B" seorang pegawai Tadbir Am Tingkatan II yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 1-4-1972. Beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am Pada 1-4-1977.

| <u>Tarikh</u> | <u>Suffian</u> | <u>Harun</u> | <u>Baru (B11)</u> | <u>Catitan</u> |
|---------------|----------------|--------------|-------------------|----------------|
| 1-4-72        | 400.00         | 440.00       |                   |                |
| 1-4-73        | 425.00         | 480.00       |                   |                |

|        |        |        |        |   |
|--------|--------|--------|--------|---|
| 1-4-74 | 450.00 | 520.00 |        |   |
| 1-4-75 | 480.00 | 560.00 |        |   |
| 1-1-76 | 480.00 | 600.00 | 685.00 | Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun. |
| 1-4-76 | 520.00 |        | 725.00 | Kenaikan gaji.  |
| 1-4-77 |        |        | 765.00 | Kenaikan gaji.  |
| 1-4-78 |        |        | 805.00 | Kenaikan gaji.  |

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am A22:

| <u>Tarikh</u> | <u>B11</u> | <u>A22</u>            | <u>Catitan</u>   |
|---------------|------------|-----------------------|--|
| 1-4-77        | 765.00     | 805.00                | Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.                    |
| 1-4-78        |            | 865.00 dan seterusnya | *Kenaikan gaji pada hari ulangtahun pertukaran ketanggagaji A22. |

3. Pegawai "C" seorang Pegawai Tadbir Am- Tingkatan II mempunyai kelulusan Ijazah Am dilantik pada 20-5-1974. Beliau layak ditukar ke tanggagaji A22 pada 1-7-1976.

| <u>Tarikh</u> | <u>Suffian</u> | <u>Harun</u> | <u>Baru</u><br><u>(11)</u> | <u>Catitan</u>  |
|---------------|----------------|--------------|----------------------------|---|
| 20-5-74       | 640.00         | 640.00       |                            |   |
| 1-6-75        | 680.00         | 680.00       |                            |   |
| 1-1-76        | 680.00         | 720.00       | 845.00                     | Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun. |
| 1-6-76        | 720.00         |              | 885.00                     | Kenaikan gaji.  |
| 1-6-77        |                |              | 925.00                     | Kenaikan gaji.  |
| 1-6-78        |                |              | 1,005.00                   | Kenaikan gaji.  |

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am A22:

| <u>Tarikh</u> | <u>B11</u> | <u>A22</u> | <u>Catitan</u>                               |
|---------------|------------|------------|--|
| 1-1-76        | 845.00     | 865.00     | Tarikh layak ditukar keTanggagaji Ijazah Am. |

|         |                         |   |
|---------|-------------------------|---|
| *1-1-77 | 985.00                  | *Kenaikan gaji pada hari ulangtahun pertukaran ke tanggagaji A22. |
| 1-1-78  | 1,045.00                | Kenaikan gaji.  |
| 1-1-79  | 1,105.00 dan seterusnya | Kenaikan gaji.  |

4. Pegawai "D" ialah seorang Penolong Pegawai Setor yang mempunyai kelulusan STP dilantik pada 7-5-1973 dan layak ditukar ke tanggagaji A22 pada 7-5-1978.

| <u>Tarikh</u> | <u>Suffian</u> | <u>Harun</u> | <u>Baru (B9)</u> | <u>Catitan</u>  |
|---------------|----------------|--------------|------------------|---|
| 7-5-73        | 400.00         | 440.00       |                  |   |
| 1-6-74        | 425.00         | 480.00       |                  |   |
| 1-6-75        | 450.00         | 520.00       |                  |   |
| 1-1-76        | 450.00         | 560.00       | 645.00           | Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun.   |
| 1-3-76        |                |              | 685.00           | Tarikh kenaikan gaji diubah mengikut Lampiran "C" <a href="#">Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977</a> . |
| 1-3-77        |                |              | 725.00           | Kenaikan gaji   |
| 1-3-78        |                |              | 765.00           | Kenaikan gaji   |
| 7-5-78        |                |              | 765.00           | Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.   |

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am

| <u>Tarikh</u> | <u>B9</u> | <u>A22</u>            | <u>Catitan</u>   |
|---------------|-----------|-----------------------|--|
| 7-5-78        | 765.00    | 805-00                | Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.  |
| 1-6-79        |           | 865.00                | Tarikh kenaikan gaji mengikut perenggan 4(b) <a href="#">Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977</a> . |
| 1-6-80        |           | 985.00 dan seterusnya | Kenaikan gaji.   |

5. Pegawai "E" ialah seorang Penolong Rendah Pemelihara Hutan, Tingkatan II yang mempunyai kelulusan Diploma Perhutanan dilantik pada 11-4-1974. Beliau layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am pada 11-4-1979.

| <u>Tarikh</u> | <u>Suffian</u> | <u>Harun</u> | <u>Baru (B8)</u> | <u>Catitan</u> |
|---------------|----------------|--------------|------------------|----------------|
| 11-4-74       | 600.00         | 600.00       |                  |                |

|         |        |        |        |   |
|---------|--------|--------|--------|---|
| 1-5-75  | 640.00 | 640.00 |        |   |
| 1-7-76  | 640.00 | 680.00 | 805.00 | Tarikh kuatkuasa dan satu hadiah kenaikan gaji di tanggagaji Harun. |
| 1-5-76  |        |        | 845.00 | Kenaikan gaji   |
| 1-5-77  |        |        | 885.00 | Kenaikan gaji   |
| 1-5-78  |        |        | 925.00 | Kenaikan gaji   |
| 11-4-79 |        |        | 925.00 | Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.                       |

Pemindahan ke tanggagaji Ijazah Am:

| <u>Tarikh</u> | <u>B8</u> | <u>A22</u>               | <u>Catitan</u>  |
|---------------|-----------|--------------------------|---|
| 11-4-79       | 925.00    | 985.00                   | Tarikh layak ditukar ke tanggagaji Ijazah Am.   |
| 1-5-80        |           | 1,045.00                 | Kenaikan gaji mengikut perenggan 4(b) <a href="#"><u>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977.</u></a> |
| 1-5-81        |           | 1,105.00 dan seterusnya. | Kenaikan gaji   |

CATITAN

\*Menunjukkan pindaan-pindaan yang berkenaan.